

Prestasi setengah badan berkanun tak memuaskan - Mahathir

UM 26 NOV 1984

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Prestasi setengah - setengah badan berkanun di negara ini adalah tidak memuaskan, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau meminta badan-badan berkanun bertekad dan berusaha lagi bagi meningkatkan keberkesanan segala dasar, program dan projek masing-masing supaya negara dan masyarakat akan mendapat manfaat yang lebih lagi.

Walaupun untung rugi sesuatu badan berkanun itu tidak boleh dijadikan ukuran oleh kerana peranannya yang kadang-kala perlu mengambil kira objektif-objektif sosial, kita masih dapat mengukur kejayaannya dengan meneliti kekesanan sesebuah badan berkanun itu dalam mencapai objektif-objektif yang ditentukan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian dalam

kata-kata sambutannya sempena terbitan sulung berkanun risalah Berita Persatuan Badan - Badan Berkanun Malaysia yang diterbitkan tiga bulan sekali.

Perdana Menteri yakin kerjasama dan pertukaran pengalaman secara objektif antara badan-badan yang berjaya dengan yang kurang berjaya akan dapat juga membantu meningkatkan mutu dan prestasi badan-badan berkanun keseluruhannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mahu perhubungan yang rapat dijalinan terlebih dahulu bagi mewujudkan kerjasama dan pertukaran pengalaman.

Beliau berharap risalah "berkanun" ini akan dapat menjalinkan perhubungan rapat antara kesemua badan berkanun supaya cita-cita mewujudkan kerjasama dan perukaran pengalaman itu akan berjaya.

Persatuan Badan - Badan Berkanun Malaysia telah di-

tubuhkan pada 14 April lalu dibawah naungan Perdana Menteri untuk memperkukuhkan kerjasama di antara 55 buah badan berkanun, dan meningkatkan mutu pentadbirannya.

Sebanyak 39 organisasi termasuk Bank Pertanian, Bank Simpanan Nasional, Institut Teknologi MARA, DARA, MIDA, FELDA, LLN, LPN dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menganggotai persatuan itu.

Dalam kata pengantarannya, Yang Dipertua Persatuan Datuk Haji Hanafiah Ahmad, berharap badan-badan berkanun dapat bergerak cergas seperti badan-badan swasta walaupun ia tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditentukan baik dari segi kewangan dan pengurusan kakitangan seperti pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Datuk Haji Hanafiah yang juga Pengarah Besar Lembaga Urusan dan Tabung Haji berharap badan-badan berkanun akan dapat menyelesaikan segala tanggungjawab yang dibebani dengan gigih, cekap dan pelaksanaannya dibuat mengikut jadual yang ditentukan.

Beliau yakin kerajaan dan rakyat akan menaruh kepercayaan kepada badan-badan berkanun pada masa depan sekiranya mereka dapat membuktikan kecekapan, kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas masing-masing.